


SOALAN LAZIM

i-Get In Touch: MELANTIK PENAMA



SOALAN LAZIM: i-Get In Touch-Melantik Penama

MENU UTAMA

1. Apakah Penamaan?



2. Siapakah yang boleh dilantik sebagai Benefisiari/Wasi?



3. Apakah cara untuk melantik Penama?



1. Apakah Penamaan?

1.1 Apakah e-Penamaan?

e-Penamaan adalah satu fungsi di mana anda boleh melantik Benefisiari atau Wasi untuk manfaat Takaful anda. Anda boleh menambah atau menukar Benefisiari atau Wasi melalui portal layan sendiri i-Get in Touch.

1.2 Apakah kepentingan Penamaan?

Takaful dapat memastikan keluarga anda dilindungi jika kemalangan berlaku.

Dengan penamaan calon, manfaat takaful dapat diedarkan dengan lebih cepat tanpa perlu mendapatkan Geran Probet, Surat Pentadbiran atau Perintah Pengedaran. Sebab itu, keluarga anda boleh dapatkan manfaat takaful dengan cepat. Anda dinasihatkan untuk memaklumkan penama bahawa mereka telah dinamakan sebagai benefisiari/wasi untuk sijil takaful anda.

1. Apakah Penamaan?

1.3 Apakah yang akan berlaku sekiranya Penamaan tidak dilaksanakan?

Pengendali takaful akan membayar manfaat takaful kepada pelaksana, pentadbir atau penuntut. Tanpa pelaksana atau pentadbir yang sah, pengendali takaful boleh membayar manfaat takaful (sehingga RM 100,000 sahaja) kepada penuntut tanpa memerlukan Geran Probet, Surat Pentadbiran atau Perintah Pengedaran.

- Anda perlu mendapatkan Geran Probet atau Surat Pentadbiran/Perintah Pengedaran untuk membolehkan seseorang mendapat hak sepenuhnya terhadap tuntutan tersebut. Ini boleh memakan masa yang lama.
- Baki manfaat takaful selepas pembayaran (jika ada) hanya boleh dibayar kepada pelaksana atau pentadbir yang sah.



2. Siapakah yang boleh dilantik sebagai Benefisiari/Wasi?

2.1 Siapakah yang layak menjadi Penama?

Penama ialah seorang yang telah dicalonkan dalam sijil takaful oleh pemilik sijil untuk menerima atau mentadbir manfaat takaful.

Penama boleh dinamakan sebagai Benefisiari atau Wasi.

2.2 Apakah beza antara Benefisari dan Wasi?

- Benefisiari – Seorang individu yang telah dinamakan oleh pemilik sijil untuk menerima manfaat takaful sebagai Hibah bersyarat. Manfaat ini akan diperuntukkan berdasarkan peratusan yang dinyatakan dalam borang e-Nominasi. Pemilik sijil perlu memastikan bahawa penama ialah individu (bukan organisasi atau persatuan) dan bukan ahli keluarga pemilik sijil.
- Wasi – Individu yang dinamakan oleh pemilik sijil untuk mengurus dan mengagihkan manfaat takaful mengikut undang-undang yang berkaitan.



3. Apakah cara untuk melantik Penama?

3.1 Mengapa saya tidak dapat mengemaskini Penama dalam i-Get In Touch?

Sekiranya anda sudah mempunyai penama, sila padamkan benefisiari/wasi semasa. Penamaan (iaitu pelantikan/pertukaran penama) hanya dapat dikemaskini sekiranya jumlah pecahan manfaat di bawah 100%. Anda akan dapat mengemaskini penamaan setelah memadamkannya.

Pastikan anda menyatakan peratusan yang anda ingin agihkan kepada setiap penama.

3.2 Bolehkah saya menggantikan Penama sedia ada dengan yang baharu?

Ya. Sila pilih benefisiari/wasi sedia ada yang ingin anda ganti dengan mengklik butang 'Padam', diikuti dengan 'Tambah' Benefisiari/Wasi.

3.3 Berapakah Penama yang boleh ditambahkan dalam portal i-Get in Touch?

Maksimum Benefisiari yang dibenarkan ialah 4 orang, maksimum Wasi yang dibenarkan ialah 1 orang. Jika anda ingin melantik penama melebihi had maksimum, sila hantar Borang “Pelantikan/Penukaran Penama sebagai Benefisiari” kepada kami.

Anda boleh muat turun borang tersebut di [sini](#) dan emel borang yang lengkap ke i-greatcare@greateasterntakaful.com.



3. Apakah cara untuk melantik Penama?

3.4 Bolehkah saya memadam Penama sedia ada?

Ya. Harap maklum bahawa anda mesti melantik sekurang-kurangnya seorang benefisiari/wasi.

3.5 Siapa yang boleh saya lantik sebagai saksi saya?

Anda boleh melantik sesiapa sahaja sebagai saksi anda, dengan kriteria berikut:

- Saksi mestilah berumur 18 tahun ke atas
- Saksi mesti waras dan mempunyai kesihatan mental yang baik
- Saksi tidak boleh menjadi Benefisiari atau Wasi

3.6 Adakah tandatangan saksi diperlukan dalam proses Penamaan?

Ya. Anda diminta untuk mengemas kini butiran saksi setelah mendapat kebenarannya.

3.7 Bagaimana jika Penama meninggal sebelum saya?

Anda dinasihatkan untuk melantik penama baru secepat mungkin untuk mengelakkan komplikasi .



Perlukan bantuan? Hubungi kami



1 300 13 8338 (Talian Khidmat Pelanggan)



i-greatcare@greateasterntakaful.com

IKUTI KAMI DI:



[Great Eastern Takaful](#)



[greateasterntakaful](#)



www.youtube.com/c/greateasterntakaful



www.greateasterntakaful.com

